

# Kuliah UMS batal jika IPU terus meningkat

UB 5 April 2016 A5

**KOTA KINABALU:** Sesi kuliah Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan ditangguhkan sekiranya paras Indeks Pencemaran Udara (IPU) semakin meningkat, kata Naib Canselor Profesor Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah.

Katanya, pihak universiti akan mengambil langkah itu serta merta sekiranya kualiti udara terus merosot bagi memastikan keselamatan dan kesihatan warga kampus khususnya dalam kalangan para mahasiswa.

"Pihak universiti memandang serius terhadap situasi jerebu yang melanda pada ketika ini dan akan terus membuat pemantauan dari semasa ke semasa sambil mengikuti perkembangan paras IPU terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar," katanya dalam satu kenyataan.

Harun berkata sebagai langkah awal UMS akan mengedarkan topeng jerebu secara percuma kepada para mahasiswa.

Menurutnya, topeng berkenaan boleh diperoleh melalui kolej-kolej kediaman dan pejabat Jabatan Hal Ehwal Pelajar sebagai usaha membantu mahasiswa



**PEMANDANGAN sekitar kampus UMS dari Bangunan Canselor UMS.**

menapis daripada terhirup molekul-molekul udara tercemar yang boleh memudaratkan kesihatan.

Harun turut menasihatkan warga kampus agar mengurangkan sebarang aktiviti luar sehingga paras kualiti udara semakin pulih.

"Dalam masa yang sama, saya berpesan kepada para kakitangan dan mahasiswa UMS agar sentiasa mengamalkan pengambilan air minum yang banyak," katanya.

Sehingga jam 1.30 tengahari kelmarin, Jabatan Alam Sekitar Sabah mencatatkan bacaan 68 IPU bagi kawasan Kota Kinabalu.

IPU antara 0 hingga 50

adalah baik, 51 hingga 100 (sederhana), 101 hingga 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (sangat tidak sihat) dan 301 ke atas (berbahaya).

Pada Ahad, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah mengumumkan penutupan 77 buah sekolah di sekitar Beaufort, Kuala Penyu dan Papar akibat jerebu yang semakin teruk.

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh dalam sebuah laporan akhbar nasional pada 19 Mac lalu memaklumkan, Naib Canselor melalui konsep autonomi boleh membuat keputusan sendiri tanpa merujuk kepada kementerian.